



MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>(f) memaklumkan dan mengingatkan perkara berkaitan sebagaimana <b>Lampiran 1</b>, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. keahlian dan terma rujukan (TOR) MKSP;</li> <li>ii. Struktur pengurusan dan pemantauan kualiti yang tertinggi adalah Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Semula Pengurusan (MKSP) yang dipengerusi oleh Naib Canselor, diikuti Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti, seterusnya Jawatankuasa Kerja ISMS dan Jawatankuasa Kerja EMS serta Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan dan Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko Universiti;</li> <li>iii. Dasar Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat masih dikekalkan sebagaimana dasar yang telah dibuat oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti pada 9 Disember 2014. Begitu juga Dasar Sistem Pengurusan Alam Sekitar masih dikekalkan dan bersesuaian sebagaimana dasar yang telah dibuat oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti pada 10 Disember 2013;</li> <li>iv. penambahan skop Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat iaitu proses penilaian pengajaran Prasiswazah di Fakulti. Manakala, skop Sistem Pengurusan Alam Sekitar masih kekal iaitu penyediaan perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran;</li> <li>v. penambahbaikan Objektif ISMS selaras dengan penambahan skop baharu. Manakala, Objektif EMS kekal sebagaimana tahun sebelum ini;</li> <li>vi. penyediaan dokumen rujukan baharu menggantikan Manual ISMS dan EMS iaitu Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat dan Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar.</li> </ul>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>
<b>7.2</b>	<p><b>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT</b></p> <p>Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISO 2018 ISMS ISO/IEC 27001 kali keenam dan EMS ISO 14001 kali keempat disahkan tanpa sebarang pindaan.</p>	<p><b>Makluman</b></p>
<b>7.3</b>	<p><b>TINDAKAN SUSULAN DARIPADA MESYUARAT LEPAS</b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan berkenaan tindakan susulan yang telah dilaksana daripada mesyuarat yang lepas sebagaimana <b>Lampiran 2</b>.</p>	<p><b>Makluman sebagaimana lampiran</b></p>
<b>7.4</b>	<p><b>ISU LUARAN DAN DALAMAN YANG MEMBERI KESAN KEPADA PENGURUSAN ALAM SEKITAR</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <p>7.4.1 mengambil maklum isu luaran dan dalaman Universiti yang relevan terhadap Sistem Pengurusan Alam Sekitar adalah tertakluk kepada keperluan Standard klausa 9.3 b) 1), kajian semula pengurusan serta di bawah klausa 4.1 Memahami Organisasi dan Konteksnya.</p>	<p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN											
	<p>7.4.2 mengambil maklum isu luaran dan dalaman dikenalpasti berasaskan aspek persekitaran (aktiviti) signifikan yang memberi kesan kepada alam sekitar, sama ada pencemaran udara, pencemaran tanah, pencemaran air, pencemaran bunyi dan penggunaan sumber alam sekitar sebagaimana yang disenaraikan dalam Daftar Aspek Impak Alam Sekitar UPM terkini.</p> <p>7.4.3 mengambil maklum jumlah isu dalaman dan luaran sebagaimana jadual berikut.</p> <table border="1" data-bbox="395 539 1155 775"> <tr> <td data-bbox="395 539 603 775" rowspan="2">Jumlah Aspek Persekitaran/ Aktiviti</td> <td data-bbox="603 539 914 645">Jumlah keseluruhan isu dalaman &amp; luaran berasaskan skop</td> <td colspan="2" data-bbox="914 539 1155 645">41</td> </tr> <tr> <td data-bbox="603 645 914 775">22 aspek persekitaran/aktiviti yang mempunyai isu</td> <td data-bbox="914 645 1082 705">Isu Luaran</td> <td data-bbox="1082 645 1155 705">6</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td data-bbox="914 705 1082 775">Isu Dalaman</td> <td data-bbox="1082 705 1155 775">35</td> </tr> </table> <p>7.4.4 mengambil perhatian senarai isu dalaman dan luaran bagi setiap aspek persekitaran yang dinyatakan dalam Daftar Aspek Impak adalah sebagaimana dalam <b>Lampiran 3</b>.</p> <p>7.4.5 mengambil maklum dokumen menyeluruh boleh dirujuk pada dokumen Daftar Aspek Impak Alam Sekitar UPM yang terdapat pada Portal eISO.</p> <p>7.4.6 mengambil maklum PTJ boleh mengambil keputusan untuk meneruskan pemantauan terhadap isu atau gugurkan isu, sekiranya risiko adalah rendah.</p> <p>7.4.7 mengambil perhatian semakan berkala terhadap isu dalaman dan luaran yang memberi kesan kepada pengurusan alam sekitar akan dilaksana dua (2) kali setahun dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti, dan perubahan akan direkod (sebagaimana Sistem Pengurusan Kualiti).</p>	Jumlah Aspek Persekitaran/ Aktiviti	Jumlah keseluruhan isu dalaman & luaran berasaskan skop	41		22 aspek persekitaran/aktiviti yang mempunyai isu	Isu Luaran	6			Isu Dalaman	35	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>
Jumlah Aspek Persekitaran/ Aktiviti	Jumlah keseluruhan isu dalaman & luaran berasaskan skop		41										
	22 aspek persekitaran/aktiviti yang mempunyai isu	Isu Luaran	6										
		Isu Dalaman	35										
7.5	<p><b>PERUBAHAN ISU LUARAN DAN DALAMAN YANG BERKAITAN DENGAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT</b></p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum berhubung laporan Perubahan Isu Luaran dan Isu Dalaman yang berkait dengan skop pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat tahun 2018 iaitu berkaitan pelaksanaan penggunaan kad maya <i>Putra Virtual ID</i> (Putra VID) sebagai identiti pengenalan pelajar. Perincian mengenai laporan adalah seperti di <b>Lampiran 4</b> yang telah dibentang oleh Timbalan Wakil Pengurusan ISMS.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum pelaksanaan Putra VID:</p> <p>(i) telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Kali Ke-636 pada 27 Februari 2018 untuk mula digunapakai bermula pendaftaran pelajar asasi sains pertanian pada Jun 2018 dan seterusnya semasa pendaftaran pelajar baharu prasiswazah sesi</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>											

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>kemasukan 2018/2019;</p> <p>(ii) merupakan kad pengenalan identiti pelajar secara maya di atas talian dengan penggunaan satu aplikasi berasaskan persekitaran smartphome dan web, yang dilengkapi dengan sistem kawalan pengenalan identiti menggunakan teknologi QRCode; dan</p> <p>(iii) membantu pelajar untuk menguruskan pengenalan diri semasa berinteraksi dengan semua kemudahan kampus seperti capaian aplikasi ICT, penggunaan kemudahan infrastruktur, kehadiran, pembayaran, pengesahan warga universiti dan sebagainya.</p> <p>(c) Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan impak pelaksanaan Putra VID sebagaimana berikut:</p> <p>(i) menambah baik sistem pengenalan identiti pelajar UPM, dengan penggunaan teknologi pengenalan QRCode yang lebih selamat, cekap serta menjimatkan;</p> <p>(ii) menjimatkan kos cetakan kad pelajar yang perlu ditanggung oleh pihak universiti dengan peningkatan jumlah kehilangan kad pelajar setiap tahun;</p> <p>(iii) melengkapkan kampus dengan satu kemudahan penting pengenalan identiti pelajar berkonsep teknologi Smartcampus yang menjadi setelah satu matlamat KPM kepada semua kampus UA;</p> <p>(iv) proses pengenalan identiti oleh pelajar untuk semua urusan universiti akan menjadi lebih mudah dan dalam keadaan terkawal;</p> <p>(v) mengelakkan kemungkinan kes kecurian identiti berlaku dengan senang apabila melibatkan kes kehilangan, kecurian dan penyalinan tidak sah kad pelajar sedia ada; dan</p> <p>(vi) UPM menjadi universiti pertama di Malaysia mempunyai kemudahan sistem pengenalan identiti berasaskan kad maya dengan teknologi QRCode.</p> <p>(d) Mesyuarat:</p> <p>(i) mengambil perhatian berhubung perubahan isu dalaman berkaitan penggunaan kad maya yang telah dilaksanakan di UPM yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 bermula kemasukan pelajar baharu prasiswazah sesi kemasukan 2018/2019;</p> <p>(ii) mengambil perhatian berkaitan syor supaya penggunaan kad maya dipanjangkan pelaksanaannya kepada semua staf UPM sebagai pengenalan identiti menggantikan kad staf sedia ada, berdasarkan impak positif yang telah dikenal pasti; dan</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	(iii) bersetuju supaya perkara berkaitan syor penggunaan kad maya kepada semua staf UPM ini diteliti dan diperincikan untuk pelaksanaan akan datang.	<b>CIO &amp; Pengarah/TWP IDEC</b>
7.6	<p><b>PRESTASI DAN KEBERKESANAN PENGURUSAN ISO</b></p> <p><b>7.6.1 LAPORAN PELAKSANAAN AUDIT</b></p> <p><b>7.6.1.1 Penemuan Audit ISMS</b></p> <p><b>(a) Laporan Keberkesanan Penutupan Audit Pemantauan 2 oleh SIRIM</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum berhubung laporan Keberkesanan Penutupan Audit Pemantauan 2 oleh SIRIM yang telah dibenteng oleh Wakil Pengurusan sepertimana pada <b>Lampiran 5</b>. Mesyuarat mengambil perhatian:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. penemuan audit SIRIM ISMS tahun 2017 dilaporkan tiada NCR dan hanya peluang penambahbaikan (OFI) sebanyak 8 OFI;</li> <li>ii. senarai Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang terlibat dengan OFI Audit ISMS yang perlu mengambil tindakan ke atas OFI yang dilaporkan;</li> <li>iii. kaedah pemantauan bagi tindakan OFI SIRIM iaitu melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti, emel tindakan kepada PTJ yang berkaitan dan semakan tindakan oleh Juruaudit Dalaman;</li> <li>iv. bukti tindakan pelaksanaan OFI akan disemak oleh pasukan Audit SIRIM semasa audit akan datang.</li> </ol> <p><b>(b) Laporan Pelaksanaan Semakan Kendiri</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum berhubung laporan pelaksanaan semakan kendiri yang telah dibenteng oleh Wakil Pengurusan sepertimana pada <b>Lampiran 6</b>. Mesyuarat mengambil perhatian:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. pelaksanaan semakan kendiri yang terancang oleh PTJ adalah sebagai tindakan kawalan ke atas ketakakuran dan penambahbaikan bagi persediaan menghadapi Audit Dalaman ISMS;</li> <li>ii. tindakan persediaan pelaksanaan Semakan Kendiri kepada PTJ adalah mengadakan taklimat kepada Peneraju dan penyediaan Senarai Semak PTJ;</li> <li>iii. pelaksanaan Semakan Kendiri ISMS secara terancang bermula tahun 2018 merupakan persediaan PTJ untuk melaksanakan Audit Dalaman masing-masing pada tahun 2020.</li> </ol>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p><b>(c) Laporan Audit Dalam ISMS 2018</b></p> <p>Mesyuarat mengambil perhatian berhubung laporan Audit Dalam yang telah dibentang oleh Ketua Juruaudit Dalam sepertimana pada <b>Lampiran 7</b>. Mesyuarat mengambil perhatian:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. pelaksanaan Audit Dalam ISMS yang telah diadakan pada 17 hingga 19 Julai 2018 bagi memenuhi keperluan Standard ISO/IEC 27001:2013 klausa 9.2;</li> <li>ii. penemuan audit dalam ISMS mengikut PTJ dan Klausa Standard serta perbandingan penemuan audit bagi tahun 2017-2018 dan mendapati peningkatan OFI adalah kerana perluasan skop baharu penilaian pengajaran di semua Fakulti;</li> <li>iii. laporan isu NCR berulang yang perlu diambil tindakan oleh PTJ bagi memastikan isu yang sama tidak berulang semasa Audit SIRIM akan datang iaitu perkongsian ID Akaun Sistem atas talian di antara pegawai yang meningkatkan risiko kebocoran maklumat dan penyalahgunaan akaun pegawai.</li> <li>iv. laporan kekuatan dan kelemahan pelaksanaan ISMS di UPM dan memohon PTJ fokus kepada tindakan bagi mengatasi kelemahan yang dilaporkan, iaitu: <ol style="list-style-type: none"> <li>1) kesedaran berkenaan pengurusan keselamatan maklumat masih rendah dan perlu ditingkatkan di peringkat fakulti, terutama dalam skop baharu penilaian pengajaran;</li> <li>2) Kesedaran kepentingan pengurusan identiti digital yang masih rendah menyebabkan pekerja masih berkongsi akaun ('Username' dan 'Password') yang boleh meningkatkan risiko penyalahgunaan maklumat;</li> <li>3) Pengurusan Pelan Kesenambungan Perkhidmatan Universiti kurang teratur dan tidak dilaksanakan sebagaimana yang ditetapkan menyebabkan tindakan secara terasing dibuat oleh Peneraju iaitu Pelan Tindak Balas Kecemasan Universiti Putra Malaysia dan Pelan Pemulihan Bencana ICT Universiti Putra Malaysia.</li> </ol> </li> <li>v. mengambil tindakan dalam tempoh 21 hari bekerja atau tarikh yang ditetapkan dan dipersetujui antara Juruaudit dan Auditi dengan melengkapkan maklum balas dan bukti tindakan secara atas talian melalui Portal Jaminan Kualiti (PortalCQA).</li> </ol>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Ketua PTJ/TWP di bawah skop pensijilan ISMS</b></p> <p><b>Pengarah/TWP Pusat Pembangunan Akademik (CADE)</b></p> <p><b>Pengarah/TWP Pusat Pembangunan Komunikasi dan Maklumat (iDEC)</b></p> <p><b>Pengarah Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm)</b></p> <p><b>Ketua PTJ/TWP yang berkaitan</b></p>



MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>ii. penemuan audit dalaman EMS mengikut PTJ, Klausu Standard dan Proses serta perbandingan penemuan audit bagi tahun 2017-2018 dan mendapati pengurangan penemuan audit adalah kerana pelaksanaan Semakan sendiri yang terancang di PTJ;</p> <p>iii. laporan isu NCR berulang yang perlu diambil tindakan oleh PTJ bagi memastikan isu yang sama tidak berulang semasa Audit SIRIM akan datang iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) sisa terjadual di PTJ tidak dikendalikan mengikut peraturan yang boleh menyebabkan pencemaran kepada alam sekitar;</li> <li>2) pelaporan bagi analisis penjimatan elektrik tidak dilaksana sebagaimana kawalan operasi yang ditetapkan.</li> </ol> <p>vi. laporan kekuatan dan kelemahan pelaksanaan EMS di UPM dan memohon PTJ fokus kepada tindakan bagi mengatasi kelemahan yang dilaporkan, iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Keperluan bajet yang tinggi menyebabkan UPM tidak dapat mematuhi peruntukan bagi kepatuhan undang-undang terutama kepatuhan bagi pengendalian kemudahan yang mencemar ke udara (<i>Kebuk Wasap &amp; Boiler</i>);</li> <li>2) UPM tidak mempunyai pekerja yang kompeten (<i>Competent Person</i>) di dalam menjalankan pemantauan bagi pelepasan pencemar ke udara iaitu yang melibatkan kebuk wasap dan <i>Boiler</i> seperti mana keperluan perundangan;</li> <li>3) kurang komunikasi dalaman di PTJ menyebabkan penyampaian maklumat terkini pelaksanaan EMS yang diterima melalui pemantauan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti dan taklimat kesedaran tidak disampaikan secara menyeluruh dalam PTJ.</li> </ol> <p>vii. mengambil tindakan dalam tempoh 21 hari bekerja atau tarikh yang ditetapkan dan dipersetujui antara Juruaudit dan Auditi dengan melengkapkan maklum balas dan bukti tindakan secara atas talian melalui Portal Jaminan Kualiti (PortalCQA).</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Ketua PTJ/TWP di bawah skop pensijilan EMS</b></p> <p><b>Bursar/TWP Pejabat Bursar</b></p> <p><b>Pendaftar/ TWP Pejabat Pendaftar</b></p> <p><b>Ketua PTJ/TWP di bawah skop pensijilan EMS</b></p> <p><b>Ketua PTJ/TWP yang berkaitan</b></p>
	<p><b>7.6.2 PRESTASI PROSES, KEBERKESANAN DAN KEPATUHAN PERKHIDMATAN</b></p> <p><b>7.6.2.1 Pencapaian Objektif dan Sasaran Keselamatan Maklumat</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Pencapaian Objektif dan Sasaran Keselamatan Maklumat tahun 2018 yang dibentang oleh Timbalan Wakil Pengurusan ISMS adalah sepertimana di <b>Lampiran 9</b>. Mesyuarat seterusnya mengambil tindakan berikut:</p>	



MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN																												
	<p>(a) mengambil maklum Objektif ISMS telah disemak dan dikemaskini pada tahun 2018 mengambil kira aktiviti perluasan skop penilaian pengajaran perasiswazah di Fakulti dan telah dibawa untuk kelulusan menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-38 pada 6 Februari 2018.</p> <p>(b) mengambil maklum penetapan objektif ISMS tahun 2018 yang baharu adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="352 510 1150 1899"> <thead> <tr> <th data-bbox="352 510 427 571">Bil</th> <th data-bbox="427 510 751 571">Penyataan Objektif</th> <th data-bbox="751 510 943 571">Sasaran pencapaian</th> <th data-bbox="943 510 1150 571">Peneraju</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="352 571 427 797">1.</td> <td data-bbox="427 571 751 797">Memastikan pelajar prasiswazah yang mengemukakan tawaran yang sah dibenarkan mendaftar</td> <td data-bbox="751 571 943 797">100%</td> <td data-bbox="943 571 1150 797">Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="352 797 427 1023">2.</td> <td data-bbox="427 797 751 1023">Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian</td> <td data-bbox="751 797 943 1023">98% (UPM Serdang) 75% (UPM Bintulu)</td> <td data-bbox="943 797 1150 1023">Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="352 1023 427 1189">3.</td> <td data-bbox="427 1023 751 1189">Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan</td> <td data-bbox="751 1023 943 1189">≤ 8 jam</td> <td data-bbox="943 1023 1150 1189">Pasukan Pusat Data</td> </tr> <tr> <td data-bbox="352 1189 427 1541">4.</td> <td data-bbox="427 1189 751 1541">Memastikan <i>Service Level Agreement (SLA)</i> 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester</td> <td data-bbox="751 1189 943 1541">95%</td> <td data-bbox="943 1189 1150 1541">Pasukan Pusat Data</td> </tr> <tr> <td data-bbox="352 1541 427 1706">5.</td> <td data-bbox="427 1541 751 1706">Memastikan penilaian pengajaran setiap pelajar adalah rahsia</td> <td data-bbox="751 1541 943 1706">100%</td> <td data-bbox="943 1541 1150 1706">Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti</td> </tr> <tr> <td data-bbox="352 1706 427 1899">6.</td> <td data-bbox="427 1706 751 1899">Memastikan pelajar yang membuat penilaian merupakan pelajar berdaftar dalam Sistem Maklumat Pelajar (eSMP)</td> <td data-bbox="751 1706 943 1899">100%</td> <td data-bbox="943 1706 1150 1899">Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Penyataan Objektif	Sasaran pencapaian	Peneraju	1.	Memastikan pelajar prasiswazah yang mengemukakan tawaran yang sah dibenarkan mendaftar	100%	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	2.	Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian	98% (UPM Serdang) 75% (UPM Bintulu)	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	3.	Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	≤ 8 jam	Pasukan Pusat Data	4.	Memastikan <i>Service Level Agreement (SLA)</i> 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester	95%	Pasukan Pusat Data	5.	Memastikan penilaian pengajaran setiap pelajar adalah rahsia	100%	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti	6.	Memastikan pelajar yang membuat penilaian merupakan pelajar berdaftar dalam Sistem Maklumat Pelajar (eSMP)	100%	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>
Bil	Penyataan Objektif	Sasaran pencapaian	Peneraju																											
1.	Memastikan pelajar prasiswazah yang mengemukakan tawaran yang sah dibenarkan mendaftar	100%	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)																											
2.	Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian	98% (UPM Serdang) 75% (UPM Bintulu)	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)																											
3.	Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	≤ 8 jam	Pasukan Pusat Data																											
4.	Memastikan <i>Service Level Agreement (SLA)</i> 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester	95%	Pasukan Pusat Data																											
5.	Memastikan penilaian pengajaran setiap pelajar adalah rahsia	100%	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti																											
6.	Memastikan pelajar yang membuat penilaian merupakan pelajar berdaftar dalam Sistem Maklumat Pelajar (eSMP)	100%	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti																											

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>(c) mengambil maklum sebanyak lima (5) objektif telah dilaksana dan mencapai sasaran bagi tempoh Januari hingga Julai 2018 berdasarkan kepada aktiviti pendaftaran pelajar baharu program diploma di UPMKB pada 21 Jun 2018 dan juga proses penilaian pengajaran semester kedua 2017/2018 manakala baki satu (1) lagi objektif belum dapat dinilai dan hanya akan dapat diukur pencapaian secara keseluruhan semasa pendaftaran pelajar baharu prasiswazah sesi kemasukan 2018/2019 pada 2 September 2018.</p> <p>(d) mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju supaya data pencapaian bagi objektif yang melibatkan proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah disemak semula selepas pendaftaran pelajar baharu prasiswazah sesi kemasukan 2018/2019 bagi mendapatkan data yang tepat bagi pencapaian keseluruhan objektif berkenaan tahun 2018.</p> <p>(e) Mesyuarat mengambil perhatian dan bersetuju supaya tindakan diambil berhubung:</p> <p>(i) perubahan Objektif dan Sasaran Keselamatan Maklumat tahun 2018 dipantau dan diukur keberkesanannya dua (2) kali setahun bagi memastikan ianya sesuai, mencukupi dan dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM.</p> <p>(ii) kajian semula terhadap kenyataan objektif dan kaedah pengukuran bagi objektif no. 5 dan 6 sebagaimana cadangan penambahbaikan semasa pelaksanaan Audit Dalaman ISMS tahun 2018.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>TNC HEPA/TWP Pejabat TNC HEPA</b></p> <p><b>TWP ISMS &amp; Ketua/TWP PTJ Pasukan ISMS (HEPA, iDEC, CADe UPMKB)</b></p> <p><b>Pengarah/TWP CADe</b></p>
	<p><b>7.6.2.2 Pelaksanaan Kawalan di Pelan Pemulihan Risiko Keselamatan Maklumat</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Pelaksanaan Kawalan di Pelan Pemulihan Risiko Keselamatan Maklumat tahun 2018 yang dibentang oleh Timbalan Wakil Pengurusan ISMS adalah sepertimana di <b>Lampiran 10</b>. Mesyuarat seterusnya mengambil tindakan berikut:</p> <p>(a) mengambil maklum pemulihan risiko mengandungi pemilihan kawalan yang diluluskan oleh Pihak Pengurusan Universiti berdasarkan cadangan kawalan keputusan penilaian risiko seperti berikut:</p> <p>(i) Mengurangkan - keputusan ditentukan sekiranya implikasi terhadap risiko adalah kritikal samada <i>High</i> (tinggi) atau <i>Medium</i> (Sederhana). Pengurangan risiko dapat dilaksanakan melalui penambahbaikan dari segi operasi, prosedur, fizikal, individu atau teknikal;</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>(ii) Memindahkan - keputusan ditentukan sekiranya implikasi terhadap risiko tersebut boleh dipindahkan dengan mewujudkan perjanjian (SLA) antara ke dua pihak;</p> <p>(iii) Menerima - keputusan ditentukan jika implikasi terhadap risiko adalah <i>Low</i> (Rendah); dan</p> <p>(iv) Mengelakkan - keputusan ditentukan kerana tiada kawalan yang dapat ditentukan samada untuk mengurangkan atau memindahkan risiko kepada pihak ketiga.</p> <p>(b) mengambil maklum terdapat sebanyak empat (4) proses dengan tahap risiko <i>Medium</i> (Sederhana) dengan jumlah bilangan tahap risiko sederhana sebanyak 146 selepas tindakan kawalan dilaksanakan adalah seperti berikut:</p> <p>(i) Proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah Kampus Serdang;</p> <p>(ii) Proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah Kampus Bintulu;</p> <p>(iii) Sistem Sokongan Pusat Data; dan</p> <p>(iv) Proses penilaian pengajaran prasiswazah di Fakulti.</p> <p>(c) mesyuarat mengambil perhatian dan bersetuju supaya peneraju ISMS melaksanakan pemantauan terhadap keberkesanan tindakan pelan pemulihan risiko yang digunakan dalam menyediakan perlindungan dan kawalan tahap risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM sepertimana dinyatakan di <b>Lampiran 11</b>.</p> <p><b>7.6.2.3 Pencapaian Objektif dan Sasaran Alam Sekitar</b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan pencapaian alam sekitar bagi tahun 2017 menerusi pembentangan oleh Timbalan Wakil Pengurusan EMS UPM sebagaimana <b>Lampiran 12</b>, serta mengambil tindakan berikut:</p> <p>(a) mengambil maklum Objektif Sistem Pengurusan Alam Sekitar di UPM dibangunkan hasil daripada penilaian aspek impak alam sekitar yang signifikan.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>TWP ISMS &amp; Ketua/TWP PTJ Pasukan ISMS (HEPA, iDEC, CADe UPMKB)</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>(b) mengambil maklum bermula Julai 2017, Objektif EMS telah ditambahbaik berdasarkan kriteria penilaian iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. penilaian impak (Kebarangkalian Berlaku Pencemaran, Darjah Kerosakan kepada Alam Sekitar dan Kepentingan kepada Organisasi) adalah 'H' (tinggi/high); atau</li> <li>ii. terpakai kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan penilaian impak adalah 'H'.</li> </ul> <p>(c) mengambil maklum laporan pencapaian Objektif Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) tahun 2017 termasuk senarai PTJ yang terlibat bagi setiap objektif yang dipantau.</p> <p>(d) mengambil perhatian mengenai Objektif EMS tahun 2017 yang tidak mencapai sasaran dan tindakan pembetulan yang perlu diambil oleh Peneraju bagi memastikan Objektif EMS tahun 2018 tercapai.</p> <p>(e) mengambil perhatian keperluan sumber (termasuk kewangan dan manusia) bagi memastikan Objektif EMS mencapai sasaran terutama yang melibatkan sasaran bagi pematuhan undang-undang.</p> <p><b>7.6.2.4 Penilaian Kepatuhan Pengurusan Alam Sekitar dengan Keperluan Perundangan dan Keperluan Lain</b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan penilaian kepatuhan pengurusan alam sekitar dengan keperluan perundangan dan keperluan lain menerusi pembentangan oleh Pengerusi Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan (JKPK) EMS UPM sebagaimana <b>Lampiran 13</b>. Mesyuarat mengambil tindakan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) mengambil maklum penilaian kepatuhan dilaksanakan berdasarkan keperluan Standard Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) ISO 14001:2015 klausa 9.1.2.</li> <li>(b) mengambil maklum penilaian kepatuhan dibuat ke atas Undang-undang yang terpakai di UPM berdasarkan Senarai Daftar Undang-undang dan Keperluan lain (<i>List Of Legal Register and Other Requirements</i>) yang berkuatkuasa. Senarai Undang-Undang ini disediakan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang yang dikenal pasti melalui aktiviti yang disenaraikan dalam Daftar Aspek Impak Alam Sekitar selaras dengan skop Perkhidmatan Pengajaran dan Pembelajaran.</li> </ul>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>TWP TNC HEPA, Pengarah Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan &amp; Dekan/TWP Fakulti Sains dan Teknologi Makanan</b></p> <p><b>Pendaftar dan Bursar</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN								
